



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PMR 2025 MELAKA: 6 TAPAK PARKIR UNTUK PENGUNJUNG, KENDERAAN PERANTARA DISEDIAKAN

SUMBER : MELAKA HARI INI - 15 OKTOBER 2025



INFOGRAFIK tapak parkir yang disediakan untuk pengunjung ke PMR 2025 Melaka di Politeknik Merlimau.

PMR 2025 MELAKA: 6 TAPAK PARKIR UNTUK PENGUNJUNG, KENDERAAN PERANTARA DISEDIAKAN

NORAFIQAH JAMAL
RABU, 15 OKTOBER 2025 @ 10:45

🕒 Masa Membaca: 49 Saat



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PMR 2025 MELAKA: 6 TAPAK PARKIR UNTUK PENGUNJUNG, KENDERAAN PERANTARA DISEDIAKAN

SUMBER : MELAKA HARI INI - 15 OKTOBER 2025

JASIN 15 Oktober – Sebanyak enam tapak letak kenderaan disediakan Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) sempena Program MADANI Rakyat (PMR) 2025 Melaka yang berlangsung pada 17 hingga 19 Oktober di Politeknik Merlimau.

MPJ dalam satu kenyataan memaklumkan, tapak parkir untuk orang awam yang disediakan adalah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Tamil Merlimau; Bandar Baru Merlimau Utara dan Sekolah Kebangsaan (SK) Merlimau 2.

Selain itu, pengunjung juga boleh meletakkan kenderaan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato' Abdul Rahman Ya'akub; Perpustakaan Merlimau dan Klinik Kesihatan Merlimau.

“Kesemua enam tapak parkir kenderaan yang disediakan mempunyai jarak yang dekat dan hampir dengan lokasi PMR di Politeknik Merlimau Melaka (PMM),” ujar MPJ.

Selain tapak parkir percuma, pengunjung juga tidak perlu gusar untuk berjalan jauh kerana Kerajaan Negeri menyediakan lapan kenderaan perantara (shuttle) secara percuma untuk membawa mereka ke tapak program.

Lapan kenderaan yang disediakan merangkumi tiga buah bas dan lima van yang akan menunggu di sekitar kawasan parkir yang disediakan.